



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN**



**EMBARGO: Tidak dibenarkan
untuk diterbitkan atau disiarkan
sebelum 12.00 tengah hari pada
hari Khamis, 10 September 2026.**

**SIARAN MEDIA
PELANCARAN LAPORAN PASARAN HARTA H1 2026**

**PASARAN HARTA TANAH MALAYSIA KEKAL BERDAYA TAHAN PADA
SEPARUH PERTAMA TAHUN 2026**

KAJANG, 10 September 2026 – Pasaran harta tanah Malaysia kekal berdaya tahan pada H1 2026 dengan nilai transaksi melebihi RM105 bilion, harga kekal stabil, aktiviti pembinaan terus positif dan beberapa subsektor mencatat pertumbuhan, disokong asas ekonomi negara yang kukuh serta langkah Kerajaan memperluas akses pemilikan rumah.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II berkata, pertumbuhan kukuh 6.0% ekonomi Malaysia, pengekalan Kadar Dasar Semalaman (OPR) 2.75% dan inisiatif kerajaan yang digariskan dalam Belanjawan 2026 menyediakan asas yang kukuh bagi mengekalkan daya tahan pasaran harta tanah secara berterusan, meskipun berdepan dengan ketidaktentuan geopolitik global. Kerajaan MADANI telah memperkenalkan langkah untuk menggalakkan permintaan pasaran harta tanah termasuk meningkatkan jaminan kerajaan sehingga RM20 bilion di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) ke atas pembiayaan perumahan dan pelanjutan pengecualian duti setem bagi pembeli rumah pertama untuk harta tanah berharga tidak melebihi RM500,000 sehingga 31 Disember 2027.

“Inisiatif strategik Kerajaan MADANI dan sokongan dasar proaktif yang berterusan mengukuhkan kestabilan pasaran harta tanah dan memberi manfaat yang berterusan kepada rakyat,” kata beliau sempena Pelancaran Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama Tahun 2026 di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Selangor hari ini.

Intipati lain prestasi pasaran harta tanah H1 2026 adalah:

- Bilangan transaksi subsektor kediaman kekal mendominasi pasaran harta tanah dengan menyumbang syer terbesar sebanyak 59.3%, subsektor komersial berkembang 0.9% dan tanah pembangunan 5.3%.
- Prestasi aktiviti pembinaan bagi harta tanah kedai, pangsapuri khidmat dan industri terus kukuh dengan menunjukkan pertumbuhan positif di peringkat mula dibina.
- Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) menunjukkan pertumbuhan tahunan sebanyak 0.9% untuk berada pada paras 234.7 mata.

Asas Pasaran Harta Tanah Kekal Kukuh dan Stabil

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) terus memantau perkembangan penawaran dan permintaan dalam beberapa segmen bagi memastikan pertumbuhan pasaran yang lebih seimbang dan mampan.

Seiring dengan pertumbuhan kukuh 6.0% ekonomi Malaysia pada suku kedua tahun 2026, pasaran harta tanah dijangka mengekalkan prestasi yang stabil. Prospek yang positif ini disokong oleh trend harga yang stabil, aktiviti pembinaan yang aktif dan transaksi dalam subsektor terpilih. Permintaan bagi segmen kediaman dijangka kekal tertumpu pada unit mampu milik dan rumah dalam lingkungan harga RM500,000 dan ke bawah. Walau bagaimanapun, prospek pasaran secara keseluruhan masih terdedah kepada kesan perubahan ekonomi luaran dan kekangan dari segi kemampuan pemilikan. Meskipun berdepan dengan cabaran ketidaktentuan geopolitik global, sokongan ekonomi Malaysia yang kukuh dan inisiatif strategik Kerajaan MADANI secara berterusan menjadi pemangkin pasaran harta tanah untuk mengekalkan momentum yang stabil.

Laporan Pasaran Harta H1 2026 dan semua penerbitan lain boleh dilayari melalui portal rasmi NAPIC di <https://napic.jpph.gov.my/>

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPh)
Kementerian Kewangan
10 September 2026